KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	17/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN SABAH			

Oleh Hazsyah Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

3 DEKAD KAUT HASIL NEGARA

103 lubang digunakan untuk melombong emas secara haram sejak 90-an ditemui dalam hutan simpan



ANTARA lubang lombong emas ditemui di sepanjang tebing Sungai Bole dalam Hutan Simpan Ulu Segama Malua di Lembah Danum, Lahad Datu.

Lahad Datu

Penemuan ratusan lubang lombong di Sungai Bole dalam Hutan Simpan Ulu Segama Malua di Lembah Danum, dekat sini, berjaya membongkar kegiatan melombong emas secara haram di kawasan itu yang dipercayai bermula sejak tahun 90-an.

Kegiatan itu berjaya dikesan dalam Operasi Bersepadu Khazanah, baru-baru ini yang turut disertai Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah (JPS), Jabatan Hidupan Liar (JHL) dan WWF Malaysia serta agensi lain.

Timbalan Komander PGA Briged Sabah, Asisten Komisioner Toipi Lamat berkata, lokasi kegiatan mencuri khazanah negara itu dikesan pada 21 Ogos lalu hasil risikan dan maklumat awam.

Katanya, lokasi berkenaan ditemui pasukan operasi selepas menempuhi perjalanan selama lapan hari.

"Kemudian operasi penggeledahan dijalankan dengan yang terakhir pada 8 Oktober lalu.

"Berdasarkan maklumat diterima, aktiviti melombong emas di kawasan hulu sungai sudah berlarutan sejak tahun 90-an lagi," katanya di sini, semalam.

Toipi berkata, pasukan operasi menempuh pelbagai cabaran untuk ke lokasi termasuk menempuh perjalanan di hutan tebal, melalui jeram, mendaki bukit dan menuruni bukit berkecuraman hingga 80 darjah.

Beliau berkata, mereka perlu meredah sungai berbatu untuk sampai ke tempat berkenaan.

Menurutnya, hasil pemeriksaan di lokasi, pihaknya menemui ratusan lubang atau lombong emas di sepanjang lapan kilometer Sungai Bole.

"Kira-kira 103 lubang lombong ditemui untuk satu kilometer di sepanjang tebing sungai berkenaan.

"Pelombong dipercayai menggunakan kaedah tradisional bagi melombong emas di situ," katanya.



14
Pondok ditemui termasuk rumah atas pokok

Katanya, dalam operasi itu pelbagai barangan disyaki untuk melombong emas termasuk dulang, alat penimbang digital, baldi dan penyodok tanah ditemui.

"Turut ditemui makanan seperti beras, gula, mi segera, minuman segera dan peralatan memasak.

"Kami menemui senjata api bakakuk dan senapang guli di lokasi itu," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menemui enam lokasi pernempatan diwujudkan di kawasan itu iaitu pondok yang diperbuat daripada kanvas.

"Dalam enam penempatan ini 14 pondok dikesan termasuk rumah atas pokok," katanya.

Toipi berkata, Operasi Bersepadu Khazanah dilancar awal Ogos oleh Komander PGA Briged Sabah yang menumpukan seluruh Sabah.

Katanya, tumpuan operasi bukan hanya di dalam hutan, tetapi perairan.

"Satu penemuan penting dalam operasi ini adalah aktiviti melombong emas haram. Kami harap operasi ini dapat menghentikan kegiatan mencuri hasil negara terbabit," katanya.



LUBANG yang digali pelombong ditemui ketika Operasi Bersepadu Khazanah.



PENIMBANG emas digital yang ditemui.